

Diluar negara tokoh pejuang hak kulit hitam Amerika Syarikat (AS) dan pemenang Hadiah Nobel Keamanan 1964 , Dr. Martin Luther King Jr. (1929-1968) pernah menyebut: "Kita cenderung untuk menilai kejayaan seseorang itu daripada tangga gaji atau saiz kereta yang dimilikinya dan bukan berdasarkan kualiti perkhidmatan sukarela yang diberikan kepada manusia".

Walaupun ayat diungkapkan oleh tokoh yang hayatnya berakhir dengan penuh tragedi setelah ditembak mati pada usia 39 tahun merujuk kepada sikap masyarakat AS pada zamannya, ia sebenarnya masih lagi relevan kepada kita sekarang. Situasi sama menghantui rakyat Malaysia yang boleh dikatakan sudah hilang semangat kesukarelaan. Sejajar dengan itu YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan tahun 2013 sebagai Tahun Sukarelawan Kebangsaan.

Anak-anak muda di Malaysia pada masa ini telah didedahkan dan terlibat dalam dunia sukarelawan secara langsung atau tidak langsung sama ada melalui pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan yang bergerak secara individu atau berkumpulan. Pengalaman kerja sukarela ini telah banyak dilalui oleh seorang belia yang banyak terlibat dengan kerja sukarela iaitu Cik Siti Sarah Bt. Salleh. Beliau berpendapat, sektor sukarelawan kini sudah pun menjadi bahagian penting dalam aspek-aspek sosio, ekonomi dan politik di kebanyakan negara maju. Sektor ini juga telah mula muncul secara aktif di sebahagian besar negara-negara membangun. Pembangunan intensif sektor ini sejak kebelakangan ini disebabkan oleh beberapa faktor.

Lazimnya, sukarelawan dilihat tumbuh seperti "cendawan selepas hujan" kerana kemunculan sifat kemajmukan, keinginan untuk kebebasan berbicara serta tekanan dan pengaruh luar dalam mewujudkan solidariti antara rakyat. Beliau juga berpendapat, gerakan sukarelawan ini turut berkait rapat menerusi kemajuan sesuatu masyarakat serta kebangkitan populis menentang kesan-kesan sampingan negatif sesebuah sistem kapitalis. Biarpun

KEMUNCULAN SUKARELAWAN DI NEGARA MEMBANGUN

persepsi-persepsi sebegini ada benarnya, punca utama pembangunan sektor kesukarelawanan ini ialah kegagalan sistem pasaran dan kerajaan dalam memperuntukkan barang dan perkhidmatan secara efektif kepada rakyat.

Selain itu juga berdasarkan pengalaman beliau dalam kerja sukarela ini, beliau menyatakan pesepsi kebanyakan remaja di Malaysia sering salah dalam memberi pendapat bahawa badan-badan bukan kerajaan (NGO) ini diwujudkan adalah untuk membangkang kerajaan. Ia tidak benar dan realitinya, sektor kesukarelawanan menjadi pelengkap kepada sistem peruntukan dan pengagihan sektor kerajaan terutamanya dari segi pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan sosial. Sokongan kerajaan untuk sektor ini dapat dilihat melalui sumber perolehan dana sektor kesukarelawanan di peringkat global; secara puratanya, 40 peratus daripada dana telah diterima dari kerajaan, manakala 10 peratus datang dari individu dan selebihnya melalui kutipan yuran. Sumber dan dana kepada sektor kesukarelawanan ini berkadar langsung dengan kekayaan sesebuah negara atau masyarakat.

Sebagai sebuah negara yang maju dan membangun beliau turut berpendapat Malaysia mempunyai keperluan dan kekurangan yang berbeza, maka jenis



"Sukarelawan bukan dibayar kerana mereka adalah tidak bernilai, tetapi kerana mereka adalah bernilai"
-Sarah-

gerakan sukarelawan yang muncul, dan kaedah yang digunakan juga berbeza. Misalnya, aktiviti kesukarelawanan di kebanyakan negara membangun mungkin menekankan kepada keperluan pendidikan, hak asasi manusia atau penjagaan anak yatim. Negara-negara maju Eropah pula mungkin menyaksikan pembangunan aktiviti sukarelawan lebih kepada penyerapan masuk generasi kedua pendatang asing ke dalam masyarakat mereka, serta pelbagai kesan reaksi berbalik terhadap urbanisasi. Di Amerika pula, para sukarelawan bertugas untuk segmen-semen masyarakat yang semakin terhimpit oleh tekanan dan kesan negatif sistem kapitalis yang terbenam dalam benak masyarakat mereka. Namun secara rumusnya, sektor kesukarelawan merupakan sektor yang tidak berasaskan keuntungan tetapi mempunyai matlamat sosial yang tertentu.

Oleh : Mohd Rizal Bin Mohd Sham

“ The struggle you're in today is developing the strength you need for tomorrow DON'T GIVE UP – Robert Tew ”

Cetusan CEO

Dr. Wasitah bt. Hj. Mohd Yusof

Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia



KESUKARELAAN

Membicarakan Kesukarelawanan sebagai suatu *core value* masyarakat moden hari ini dan kepentingan penerapannya dalam kalangan generasi muda, pasti tidak akan lari jauh dari pembicaraan kita mengenai para sukarelawan itu sendiri.

Perkataan ‘Sukarelawan’ secara mudah boleh ditafsirkan sebagai individu mahupun kelompok individu yang sangat istimewa dari aspek ciri peribadi dan ketulusan terhadap khidmat sukarela, atau kerja masyarakat atau bidang kemanusiaan yang disertainya sehingga kepada aktiviti gotong-royong yang disertai atas semangat ingin membantu atau meringankan beban pihak lain. Antara ciri istimewa seorang sukarelawan adalah sifat rajin dan tulus hati, maka seseorang belia yang terlibat dalam kerja sukarela itu akan dilihat berbeza dari belia yang seangkatan dengannya. Ciri peribadi belia Malaysia seperti yang ada pada watak sesetengah belia yang sentiasa terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, sekadar memetik beberapa nama belia Malaysia seperti Rizan Hasan, Ravichandran, Micheal Teoh, Alex Dennis, Abang Sam, Siti Sarah Salleh, Suhail dan Ihsan adalah antara para belia yang boleh dipetik menampilkkan sifat dan sikap seperti yang disebutkan tadi.

Ini adalah ciri dan sifat ‘altruisme’ yang diimpikan oleh para pemimpin negara kita pada hari ini terutama penekanan oleh YAB Perdana Menteri agar para belia yg akan memimpin Malaysia yang berstatus negara maju kelak mewarisi nilai murni sebagai masyarakat pemberi dan bukan menjadi penerima faedah semata-mata. Ini terbukti apabila Kesukarelawanan menjadi intipati kepada program IM4U susulan dari usaha pembangunan kesukarelawanan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antaranya inisiatif seperti Sukarelawan Rakan Muda, Skuad Muda Rela, Crime Awareness Team (CAT), Anugerah Remaja Perdana, MyCorps dan lain-lain lagi.

Namun demikian, hakikat bahawa ikatan perpaduan, tahap keterlibatan, tradisi berkongsi dan amalan bantu-membantu menjadi kian luntur apabila masyarakat semakin bersikap individualistik dan tidak

mengendahkan keadaan sekeliling. Keadaan ini tidak harus dibiarakan begitu sahaja. Ia perlu dihadapi, ditanganai dan diperbaiki. Kerana itu, semangat kesukarelawanan perlu diberikan nafas baru dan perlu digilap. Indeks Belia Malaysia (IBM) yang dihasilkan oleh IPPBM menjadi parameter dalam mengukur 9 domain kesejahteraan golongan belia termasuk domain identiti. Domain ini mengandungi indikator sukarelawan yang telah menunjukkan penurunan skor pada tahun 2011 iaitu sebanyak 65.4 peratus berbanding dengan skor 2008 iaitu 67.4 peratus. Dapatkan tahap skor ini, hakikatnya boleh diperbaiki ke tahap cemerlang dari masa ke semasa sekiranya negara kita sentiasa berusaha menyokong aktiviti kesukarelawanan serta merangka program-program pemupukan nilai murni dalam kalangan generasi muda. Sebagai contoh, IM4U sebagai gerakan khusus untuk golongan belia bagi membantu menyemarakkan lagi gelombang kesukarelawanan tersebut.

Berdasarkan Kajian Profil Para Sukarelawan Semasa Banjir Pantai Timur yang telah dijalankan pada akhir tahun yang lalu ke atas 60 orang responden, menunjukkan keterlibatan golongan belia dalam aktiviti Kesukarelawan didorong oleh beberapa faktor seperti galakan kawan-kawan sebanyak 47 peratus, menerusi informasi persatuan sebanyak 42 peratus dan lain-lain sumber seperti facebook dan menerusi laman *i-volunteer* sebanyak 6.7 peratus. Manakala dari sumber Jabatan dan agensi di bawah KBS adalah sebanyak 5 peratus. Pada dasarnya, sesetengah pihak yang ingin melibatkan belia dalam aktiviti Kesukarelawan perlu melihat kesesuaian masa lapang belia terutama para remaja seperti mana saranan yang dibuat menerusi Kajian Ke Atas Program Rakan Muda. Kajian tersebut menyarankan pengekalan aktiviti yang dilaksanakan semasa musim cuti sekolah atau cuti semester adalah diperlukan khususnya kepada belia yang masih dalam alam persekolahan dan IPT bagi tujuan pengisian masa lapang yang terarah. Selain itu, pemberian cuti tanpa rekod yang munasabah juga digalakkan

SIDANG REDAKSI

Penaung

YB. Dato' Ahmad Shabery Bin Cheek
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat

Dr. Wasitah Bt. Hj. Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor

Suraya Bt. Sulaiman

Sidang Redaksi

Zul Fadhli Bin Abd Aziz
Shahhanim Bt. Yahya
Mastura Bt. Mohamad Shariffah Bt. Mamat
Nuurul Mizan Bt. Ya'cob
Noor Afifah Bt. Johari
Nadya Shaffinaz Bt. Bajuri
Mohd Rizal Bin Mohd Sham
Rizal Ikhwan bin Robuan

Publisiti

Raja Shahida Raja Hassan
Ariffin Abdul Rahman
Noor Sheila Bt. Mhd Nasir

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada:

info@ippbm.gov.my

dalam kalangan majikan agar dapat memberi peluang kepada belia yang bekerja untuk menyertai aktiviti Kesukarelawanan.

Tahun 2013 menyaksikan persekitaran kesukarelawanan diperhebatkan dengan pengumuman tahun ini sebagai Tahun Sukarelawan oleh Perdana Menteri Malaysia. Secara tidak langsung negara kita, Malaysia memainkan peranan untuk menjayakan agenda kesukarelaan sebagai satu gerakan yang berlandaskan idealisme supaya transformasi sosial dapat direalisasikan dengan menghasilkan makna yang benar iaitu kebahagiaan yang hakiki dan sejagat.

Memperkasakan Belia Malaysia!

drwasitah@ippbm.gov.my

Artikel Penyelidikan

Tajuk Kajian : Maklumat Skor Sukarelawan di hujung Jari
Penyelidik : Noor Afifah binti Johari (Pegawai Teknologi Maklumat)
Tahun : 2013

Dengan hanya melayari www.petabelia.kbs.gov.my, kita semua dapat mengetahui maklumat skor sukarelawan yang telah dilandskapkan dalam bentuk peta yang lebih interaktif dan informatif. Data ini diperolehi melalui penyelidikan yang dilaksanakan di seluruh daerah di Malaysia. Sukarelawan ialah minat dan kesanggupan melakukan sesuatu tugas tanpa mengharapkan sebarang balasan. Ringkasan pemetaan bagi maklumat skor sukarelawan adalah seperti gambarajah di bawah:



SUKARELAWAN: Oleh: Shariffah Bt. Mamat

MY BEAUTIFUL MALAYSIA DAY 2013

My Beautiful Malaysia Day 2013 menjadi agenda penting negara apabila bermatlamatkan untuk mengumpulkan sejuta sukarelawan belia bersatupadu menjalankan pelbagai bentuk aktiviti sukarelawan. Hari bergotong-royong di seluruh Malaysia ini melibatkan 390 lokasi hot spot yang turut membabitkan pemimpin tempatan di kawasan masing-masing.

Bersempena dengan program tersebut, satu kajian telah dijalankan di kalangan sukarelawan yang dipilih secara rawak di 15 kawasan hot spot yang membabitkan 3691 orang responden belia. Kajian mendapati bahawa 61 peratus adalah di kalangan belia jantina perempuan manakala 39 peratus responden lelaki. Ini menunjukkan bahawa minat terhadap aktiviti sukarelawan dipengaruhi oleh unsur gender iaitu jantina perempuan lebih berminat melibatkan diri dengan aktiviti sukarelawan berbanding jantina lelaki. Dapatkan ini disokong dengan ujian *crosstabs* di antara minat dengan jantina yang menunjukkan 62 peratus responden perempuan minat dalam aktiviti-aktiviti sukarelawan berbanding lelaki iaitu hanya 38 peratus.

Apa yang menarik melalui kajian ini adalah terdapat kesedaran yang tinggi di kalangan responden belia untuk mengajak saudara-mara atau kawan-kawan untuk bersama-sama menyertai program ini. Tiga hari sebelum program sukarelawan ini diadakan, satu pra kajian telah dihantar melalui email kepada belia yang mendaftar dengan sistem eBelia IPPBM. Hasil kajian menunjukkan 91 peratus responden berminat untuk mengajak bersama saudara-mara atau kawan-kawan untuk turut hadir ke program pada 3 Februari 2013 sebagai aktiviti santai dihujung minggu.



Inisiatif mengumpulkan sukarelawan menjalankan aktiviti dalam kempen Mesra Alam melalui program *My Beautiful Malaysia Day 2013* dilihat oleh belia sebagai satu platform yang berpengaruh untuk memupuk nilai sukarelawan sekaligus mendorong mereka untuk melakukan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang lain. Hasil kajian membuktikan 97 peratus responden menyatakan aktiviti sukarelawan ini memupuk nilai sukarelawan. Manakala 96.8 peratus menyatakan aktiviti ini mendorong mereka untuk terus aktif menjalankan lain-lain aktiviti sukarelawan.

Kenyataan ini dibuktikan dengan peningkatan permohonan dana yang diperuntukan kepada generasi belia untuk menjalankan aktiviti sukarelawan iaitu melalui *1Malaysia For Youth* (1M4U) yang dinamakan Dana Dre1M. Menurut pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) bagi Sekretariat 1M4U seramai 300 permohonan bagi menjalankan aktiviti sukarelawan telah diterima selepas program *My Beautiful Malaysia Day 2013*.

Tegasnya, usaha ke arah menyatupadukan tenaga belia sebagai aset negara yang bersatupadu dan saling berganding bahu kini lebih mudah iaitu melalui menyediakan aktiviti-aktiviti yang menjadi minat dan kecenderungan golongan sebaya (*peer group*). Ini kerana di sitalah mereka mempelajari sesuatu pengalaman berharga yang tiada di dewan-dewan kuliah, tiada di dalam buku-buku perpustakaan.

KAJIAN IMPAK DAN KEBERKESANAN PROGRAM MY CORPS

Program ini merupakan inisiatif baru Kementerian Belia dan Sukan Malaysia untuk menjana lebih ramai pelajar yang berkualiti dan berkaliber di Malaysia. Inisiatif MyCorps iaitu Inisiatif Generasi Y melalui Makmal Transformasi Pembangunan Belia. Makmal ini dilaksanakan hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri menerusi hasil cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Siri 1 Bil.1/2010 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 3 Ogos 2010. Makmal Transformasi Pembangunan Belia diadakan adalah sebagai usaha untuk memahami kehendak dan keperluan Generasi Y.

Inisiatif MyCorps yang diperkenalkan melalui makmal tersebut bertujuan menjana modal sosial melalui penyediaan tenaga sukarelawan yang bertindak sebagai 'Role Model' dan tenaga elit kesukarelaan bagi mendorong semangat sukarela di

Oleh : Shahhanim Bt. Yahya

kalangan generasi Y. Inisiatif ini juga mampu mewujudkan organisasi-organisasi baru berteraskan kesukarelaan. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan kerjasama antara KBS dan agensi yang berkaitan seperti Majlis Belia Malaysia (MBM), Malaysian Relief Agensi, Yayasan Salam, Dewan Pemuda Masjid dan badan-badan sukarela lain dari dalam dan luar negara.

MyCorps adalah salah satu Inisiatif melalui Makmal Transformasi Belia ke arah menjana modal sosial melalui penyediaan tenaga sukarelawan yang bertindak sebagai 'role model' dan tenaga elit kesukarelaan bagi mendorong semangat sukarela di kalangan Generasi Y berumur 21 – 30 tahun. Sukarelawan yang terpilih dalam program My Corps berpeluang untuk berbakti bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara. Program ini dapat memberi pendedahan kepada sukarelawan tersebut dan secara tidak langsung membawa nama Malaysia ke merata dunia dalam bidang kesukarelaan.

Para peserta My Corps bagi tahun 2011 merupakan kumpulan perintis bagi program ini dan kesan serta implikasi terhadap program ini adalah bergantung kepada *outcome* para peserta ini. Adalah diharapkan agar program ini berupaya mencapai objektif-objektif yang telah disasarkan. Seramai 29 orang telah menamatkan lapangan antarabangsa yang melibatkan beberapa buah negara seperti Thailand, Indonesia, Laos, Kemboja, Pakistan, Afghanistan, Sri Lanka dan Lebanon.



My Beautiful Malaysia Day di peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dilancarkan pada 3 Februari 2013 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Dato' Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz. Namun, program tersebut telah berlangsung secara serentak di seluruh Malaysia pada hari tersebut.

Pada hari tersebut, golongan belia telah berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti kesukalerawan di samping berkhidmat kepada masyarakat di seluruh negara. Malah program tersebut telah diadakan selaras dengan pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menjadikan tahun 2013


Oleh : Nadya Shaffinaz Bt. Bajuri

sebagai Tahun Sukarelawan Negara. Kesedaran terhadap bidang kesukarelawan kini mampu untuk melahirkan golongan pelapis negara ini yang lebih prihatin, saling bantu-membantu dan mengukuhkan lagi perpaduan sesama belia mahupun masyarakat di Malaysia. Di samping itu, penglibatan secara aktif belia dalam bidang tersebut telah memberi impak yang positif sama ada dalam kehidupan secara individu mahupun berkumpulan.

Pada hari My Beautiful Malaysia Day ini, pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPPBM) juga telah mengambil kesempatan dengan melaksanakan kajian terhadap penganjuran program tersebut. Kajian yang telah dilaksanakan adalah bertujuan untuk membina profil sukarelawan belia di Malaysia, mengenalpasti semangat sukarelawan di kalangan belia, mengenalpasti sejauh mana para belia mengetahui kewujudan 1M4U yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu aktiviti kesukarelaan dan untuk melihat jangkaan serta ekspektasi belia selepas mengikuti program sukarelawan kempen mesra alam My Beautiful Malaysia 2013.

Semoga keutuhan semangat sukarelawan yang wujud dalam diri belia Malaysia akan berkekalan dan dapat membimbing golongan ini untuk menjadi pemimpin Negara yang lebih arif dan unggul di mata dunia.

FACT SHEETS: The United Nations Volunteers



The United Nations Volunteers (UNV) programme is the UN organization that contributes to peace and development through volunteerism worldwide.

UNV contributes to peace and development by advocating for recognition of volunteers, working with partners to integrate volunteerism into development programming, and mobilizing an increasing number and diversity of volunteers, including experienced UN Volunteers, throughout the world. UNV embraces volunteerism as universal and inclusive, and recognizes volunteerism in its diversity as well as the values that sustain it: free will, commitment, engagement and solidarity.

UNV is active in around 130 countries every year, such as: Australia, Afghanistan, Bangladesh, Brazil, China, Cambodia, Denmark, France, Haiti, India, Japan, Kenya, Malaysia, Netherlands and United Kingdom.

UNV directly mobilizes more than 7,700 UN Volunteers every year nationally and internationally, with 80 percent coming from developing countries, and more than 30 percent volunteering within their own countries.

Source:
United Nation Volunteer (UNV)

Disunting oleh:
Mastura Bt. Mohamad

Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M)



Oleh : Rizal Ikhwan Bin Robuan


Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M) bertujuan untuk menyediakan sokongan berbentuk bantuan kewangan bagi golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti kearah membantu komuniti-komuniti sasaran serta organisasi dan kumpulan-kumpulan sosial lain. 1M4U mengasaskan Dre1M bagi merealisasikan impian disamping memangkin inspirasi kepada anda untuk sama-sama memacu perubahan dalam negara, serantau dan juga dunia.

Dengan dana permulaan sejumlah RM 130 juta, dana Dre1M disediakan untuk individu-individu yang layak, organisasi-organisasi yang bukan membuat keuntungan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga badan-badan beruniform. Setakat ini, Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M) telah diberikan kepada 300 penerima dana yang layak.



ULASAN BUKU PILIHAN

Title : **The New Volunteerism: A Community Connection**
Author : **Barbara Feinstein**



This unique volume is a case study of a successful and innovative program using case aide volunteers to deinstitutionalize mental patients. It will serve as an important reference for professionals, teachers, and administrators who are involved in the "business" of human services and require concrete information on how to develop effective volunteer programs to bridge the widening gap between services and needs.

The authors use their particular program as an empirical blueprint for principles undergirding the successful use of volunteers as extensions of professional social service staff. The case-aide handbook appended to the volume provides a "quick prescription" formula for how this volunteer program was made viable and how these techniques can be adapted to other programs.

In the new and enlarged edition of The New Volunteerism, the authors tell about "whatever happened to..." the case aides in their program, based on the responses to a questionnaire they designed and mailed to 100 of these men and women. Models for Volunteer/Professional Partnerships are defined and illustrated with creative and innovative volunteer programs reviewed by Feinstein and Cavanaugh. These programs serve many different populations, including: alcoholics, the elderly, the mentally ill, the retarded, abusive parents, and the terminally ill.

Title : **Menghayati Kerja Sukarela**
Author : **Dr. Azizan Bahari**

Buku ini menyentuh pelbagai aspek dan persoalan penting di sekitar kesukarelawan. Ia bacaan asas, ringkas, tetapi menyeluruh, bagi memahami dunia sukarela dengan segala keserabutan, cabaran, kemurnian dan kehebatannya. Dihasilkan oleh seorang yang lama terlibat dalam dan sentiasa mengikuti perkembangan kerja sukarela di Malaysia, buku ini sesuai dijadikan bahan perbincangan dan panduan para sukarelawan, penggerak pertubuhan/gerakan sukarela dan mereka yang berminat.



Disunting Oleh : Nuurul Mizan Bt. Ya'cob



SISTEM E-BELIA

Anda berumur 15 - 40 tahun? Daftarkan maklumat anda ke dalam Pangkalan Data Maklumat Belia.
Anda akan menjadi kumpulan terawal mengetahui makluman berkaitan peluang-peluang melanjutkan pelajaran di Institusi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Anda berpeluang menerima jemputan menyertai program-program KBS yang berhampiran dengan alamat anda.
Anda berpeluang mendapat maklumat berkaitan pembangunan ekonomi belia.

Sila layari <http://interaktif.kbs.gov.my/E-BELIA/>



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya